



# **SIARAN MEDIA**

## **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **'KEMUDAHAN PENGGABUNGAN (OVERLAPPING) PINJAMAN PTPTN'**

1. **PTPTN selaku agensi pembiaya pendidikan tinggi negara sentiasa terus komited melaksanakan pelbagai penambahbaikan** bagi memperkasakan tahap perkhidmatan kepada peminjam.
2. PTPTN sentiasa mengambil berat berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh peminjam dan juga terbuka untuk membincangkan apa jua isu berkaitan bayaran balik pinjaman PTPTN. Ini terbukti melalui beberapa **siri perbincangan Meja Bulat bersama pelbagai kelompok agensi dan persatuan yang berkepentingan** yang telah diadakan secara berkala dan berterusan semenjak tahun 2014 sehingga kini.
3. Antara isu yang dibincangkan ialah berkenaan penangguhan bayaran balik yang diluluskan tetapi mempunyai tunggakan dan rekod yang tidak baik di dalam CCRIS dan disenarai hitam imigresen. Sehubungan itu, langkah **penambahbaikan ke atas sistem pengurusan pinjaman PTPTN** telah diambil bagi mengatasi isu ini di samping memberi kemudahan kepada bayaran balik pinjaman PTPTN mereka.
4. **Penambahbaikan fasa pertama telah dimulakan pada 6 April 2016**, yang mana pinjaman baharu yang diluluskan bagi mereka yang telah ada pinjaman terdahulu dilakukan secara **penggabungan (overlapping)**.
5. **Contohnya** peminjam yang mempunyai pinjaman diploma sebanyak RM15,000 dan memohon pinjaman Ijazah Sarjana Muda sebanyak RM21,000. Jumlah diluluskan secara penggabungan adalah sebanyak RM36,000 (RM15,000 untuk langkai hutang diploma dan bakinya untuk dibayar sepanjang tempoh pengajian Ijazah). Jadual bayaran balik yang baharu hanya akan bermula enam (6) bulan selepas tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda. Sebelum jadual bayaran balik dibina, nama peminjam

tidak disenarai di dalam CCRIS, tidak disenarai hitam imigresen dan tidak dikenakan tindakan perundangan. **Penambahbaikan ini telah pun memberikan kemudahan kepada 32,213 peminjam PTPTN.**

6. **Penambahbaikan fasa seterusnya adalah kepada mereka yang telah diluluskan pinjaman kedua sebelum penggabungan (*overlapping*) diperkenalkan (sebelum 6 April 2016).** PTPTN perlu membuat semakan teliti ke atas maklumat pinjaman selain semakan polisi dan perundangan bagi membolehkan penambahbaikan serta naik taraf yang bersesuaian dilaksanakan. Tindakan berkenaan telah diselesaikan pada Julai 2017 yang lalu.
7. Pinjaman mereka yang terlibat ini akan dikemaskini melalui kaedah penggabungan (*overlapping*). Mulai **15 Ogos 2017**, rekod hutang terdahulu (pinjaman pertama) di dalam CCRIS akan dikemaskini sebagai **langsai hutang melalui kaedah tersebut**. Jadual bayaran balik akan dibina enam (6) bulan selepas peminjam tamat pengajian bagi pinjaman kedua. **Kemudahan penggabungan (*overlapping*) ini akan memberikan manfaat kepada seramai 45,866 orang.**
8. Selain itu, terdapat seramai **545 orang peminjam** dalam kumpulan sama mempunyai pinjaman terdahulu yang **masih konvensional menyebabkan penggabungan (*overlapping*) tidak dapat dilakukan**. Sehubungan itu, mereka yang terlibat ini perlu **menghubungi talian Careline PTPTN iaitu 03 - 2193 3000 untuk bertukar ke pinjaman ujah** terlebih dahulu sebelum penggabungan (*overlapping*) boleh dilakukan.
9. PTPTN akan **mengeluarkan notis makluman kepada peminjam** yang terlibat bagi memaklumkan kemudahan penggabungan (*overlapping*) yang telah dilakukan terhadap akaun pinjaman mereka.
10. Melalui **penggabungan (*overlapping*)** yang dilakukan ini akan **memberi manfaat kemudahan bayaran balik kepada peminjam PTPTN.**

**YB Dato' Dr Shamsul Anuar bin Haji Nasarah**  
**Pengerusi**  
**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional**  
**1 Ogos 2017**